

01/06/2001

Mahathir gembira G15 muncul pertubuhan kuat

Manja Ismail; Mokhtar Alias in Jakarta

JAKARTA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau gembira yang Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) kini muncul sebagai sebuah pertubuhan kuat yang memperjuangkan kepentingan negara membangun.

Perdana Menteri berkata, G15 kini mampu membuat penghujahan dan bantahan terhadap apa-apa keputusan negara maju yang boleh menjejaskan kepentingan negara membangun.

"Banyak negara sedang maju juga menunjukkan minat untuk menyertai G15," katanya pada sidang media selepas penutupan persidangan kemuncak G15 kali ke-11 di Pusat Konvensyen Jakarta di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, banyak lagi negara yang ingin menyertai G15 kerana mereka berpendapat kumpulan itu boleh menyuarakan suara negara membangun.

"Pada masa ini tidak ada cara untuk menyuarakan pandangan kita mengenai sesuatu keputusan yang dibuat oleh G7 atau G8 yang memberi kesan buruk kepada negara membangun.

"Kita tidak mempunyai cara untuk memberi pendapat kita, oleh itu G15 telah menjadi sebuah pertubuhan yang kuat yang membolehkan kita mengemukakan hujah kita, membantah atau melahirkan pendapat yang berbeza mengenai perkara seperti Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO)," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir adalah antara tujuh ketua negara dan ketua kerajaan yang menghadiri persidangan kemuncak itu yang dipengerusikan Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid.

Perdana Menteri berkata, semua negara anggota G15 kini berazam untuk melihat kemajuan dalam kumpulan itu.

"Kami berazam untuk menjadikan G15 lebih berkesan. Dalam tempoh antara mesyuarat yang diadakan, kami rasa patut ada sebuah agensi penyelarasan," katanya.

Apabila ditanya sama ada Malaysia menganggap penerimaan persidangan itu terhadap cadangannya bagi penubuhan panel pakar untuk mengkaji perubahan yang boleh dilakukan terhadap sistem kewangan antarabangsa sebagai satu kejayaan bagi Malaysia, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu sama ada itu boleh dipanggil kejayaan atau tidak.

"Saya rasa cadangan itu diterima dengan baik oleh semua orang kerana semua orang berpendapat kita sepatutnya menjalankan kajian oleh pakar itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan hasil persidangan itu.

"Kita boleh lihat setiap negara anggota begitu serius dan berazam untuk melaksanakan peranan mereka dengan berkesan dalam rundingan yang memberi kesan terhadap negara membangun dan hubungan mereka dengan negara maju," katanya.

G15 yang ditubuhkan pada 1989 dianggotai Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Colombia, Mesir, India, Indonesia, Iran, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezuela dan Zimbabwe.

Venezuela akan menjadi tuan rumah persidangan akan datang di Caracas.

(END)